

# Jangan perkecil Proton Saga - PM

(P)

Oleh  
Zin Mahmud

**S** HAH ALAM 1 Sept. - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini melancarkan pemasaran Proton Saga dengan harapan tidak ada pihak yang memperkecilkan usaha pembuatan kereta nasional itu serta cuba menggalkannya. **UM 7 SEP 1985**

Perdana Menteri berharap semua pihak berbangga dengan Proton Saga kerana jika ia berjaya, bukan sahaja Malaysia akan dihormati, tetapi rakyat negara ini akan memperolehi keuntungan daripadanya.

"Sebaliknya, jika kita gagal, bukan sahaja kita akan rugi tetapi dunia akan ketawakan kita, orang-orang Malaysia yang berusaha menggagalkan usaha kita ini juga akan diketawakan oleh dunia," ujar beliau.

Serentak dengan pelancaran itu, Perdana Menteri merasmikan pembukaan bangunan ibu pejabat Edaran Otomobil Nasional (EON) di Batu 3, di sini dan pembukaan

simbolik 20 cawangan EON di seluruh negara.

Mulai hari ini para pembeli yang telah membuat tempahan boleh mengambil Proton Saga masing-masing dari cawangan-cawangan EON.

Menghurai lanjut projek kereta nasional itu, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata:

"Kereta nasional adalah satu lagi langkah ke arah menegakkan maruah bangsa, langkahnya tidak besar tetapi besar ertinya kerana semua yang diusahakan oleh manusia bermula dengan satu titik permulaan.

"Walaupun pada mulanya ia merupakan satu titik kecil, tetapi potensinya untuk membesar tidak terhad."

Perdana Menteri menjadi pelanggan pertama EON hari ini apabila dalam majlis itu, beliau menyerahkan cek raksasa bernilai \$20,075.14 kepada Pengerusi EON, Tan Sri Jamil Mohd. Jan bagi membeli sebuah Proton Saga 1.5s berwarna biru untuk isterinya, Datuk Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah.

Menurut beliau, harga kereta nasional itu adalah sangat-sangat berpatutan dan kompetitif. Sebabnya bukan kerana mutunya rendah tetapi kerajaan ingin melihat seberapa ramai daripada rakyat Malaysia memiliki kereta buatan negara ini.

"Satu unsur penting dalam strategi perindustrian negara ialah penumpuan yang akan diberikan kepada pembangunan industri berat. Bagi setengah-setengah orang, terutama bagi para pengkritik, industri berat bermakna HICOM (Perbadanan Industri Berat Malaysia) dan beberapa industri yang sungguh besar.

"Yang sebenarnya industri berat mengikut tafsiran pembangunan negara kita termasuklah kilang-kilang simen, besi berongga, besi waja, loji ammonia-urea, kilang kertas dan palpa, kilang petrokimia serta projek-projek tenaga. Bagi pengkritik HICOM, mereka terlajak dengan mengkritik industri berat di negara ini telah lama wujud dan telah mencapai kejayaan," kata Perdana Menteri.

Beliau mengingatkan bahawa masa akan membuktikan kejayaan HICOM serta kereta nasional itu dan jangan kerana ingin membuktikan kebenaran kritikan mereka itu, para pengkritik sengaja berusaha menggagalkan projek-projek industri berat di negara ini.

LIHAT MUKA 6

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

## Jangan perkecil Proton Saga

UM  
Menurut beliau, kejayaan atau kegagalan sesuatu rancangan termasuk rancangan industri berat dan kereta nasional bergantung kepada diri sendiri.

"Jika kita hanya tumpukan kepada kelemahan - kelemahan kita dan kita melemahkan semangat dan kesanggupan untuk bekerja keras, sudah tentu kita akan gagal.

"Jika kita menerima pendapat pengkritik - pengkritik, hari ini bukan saja kita tidak akan melihat Proton Saga tetapi mungkin juga kita tidak akan ada ladang getah, kelapa sawit atau koko atau perindustrian petroleum.

"Jika kita lihat laporan - laporan dalam akhbar - akhbar di masa dahulu, semua industri ini juga telah dikritik kerana kononnya tidak praktikal, merugikan dan

sebagainya," tegas beliau.

Katanya, janganlah anggap semua yang kerajaan rancangan didorong oleh angan-angan Mat Jenin kerajaan Malaysia memasuki bidang pembuatan kereta setelah kajian mendalam dibuat, setelah segala perhincangan dikaji dan dikaji semula.

"Kita tidak berlari sebelum kita berjalan. Kita mula dengan satu langkah yang kecil dan kita mengorak langkah demi langkah dengan berjaga-jaga. Namun demikian, mungkin juga kita akan membuat kesilapan pada satu hari.

"Dan mereka yang menjadi pengkritik profesional akan berkata, "ah, lihat. Aku dah kata." Tetapi kita tidak boleh kecewa dan tidak boleh lemah semangat. Kita harus ingat bahawa tiada industri di mana - manapun yang tidak mengalami kesilapan," jelas beliau.

Perdana Menteri selanjutnya menyeru semua pekerja HICOM, Proton dan EON supaya mengekalkan sifat-sifat kerja yang mulia dan terus bekerja untuk mengeluarkan dan memasarkan kereta nasional yang mutunya tidak dapat dipertikaikan oleh sesiapa.